

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan dan perundingan dengan pihak berkuasa negara Mesir untuk memudahkan bantuan antarabangsa kemanusiaan memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah, Mesir dalam usaha Malaysia membantu negara Palestin yang sedang dikepung oleh Rejim Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan mengambil maklum dan amat menghargai usaha-usaha pelbagai pihak dari Malaysia untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Gaza. Laluan darat utama untuk memasuki Gaza ialah melalui pintu sempadan Rafah, Mesir yang dikawal oleh Kerajaan Mesir. Ada beberapa proses yang perlu dilalui sebelum pemohon dibenarkan untuk meneruskan perjalanan mereka ke Gaza melalui sempadan Rafah.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pemohon perlu melengkapkan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan oleh

Kerajaan Mesir sebelum memulakan perjalanan. Semua permohonan adalah diproses melalui Kementerian Luar Negeri Mesir. Pihak Kementerian Luar Negeri Mesir kemudiannya akan menyelaraskan semua permohonan dengan pihak-pihak berkuasa yang terlibat sebelum memberikan kelulusan sama ada pemohon dibenarkan atau tidak dibenarkan untuk melalui sempadan Rafah. Hal ini adalah penting bagi tujuan menjaga keselamatan semua pihak yang terlibat.

4. Tempoh kelulusan permohonan adalah berbeza-beza berdasarkan situasi semasa di Gaza. Sehubungan dengan ini, pemohon adalah dinasihatkan terlebih dahulu untuk tidak membuat sebarang perancangan perjalanan ke Mesir sehinggalah mendapat maklum balas daripada pihak Kerajaan Mesir yang menyatakan permohonan untuk memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah diluluskan atau tidak diluluskan.

5. Tatacara ini tidak terhad kepada Malaysia sahaja, namun adalah terpakai bagi semua negara yang memohon untuk memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah. Pintu sempadan Rafah adalah satu-satunya jalan darat untuk memasuki Gaza bagi negara-negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kita perlu menghormati tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Mesir dalam perkara ini kerana ia melibatkan isu keselamatan dan situasi semasa. Malaysia percaya undang-undang dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Mesir perlu di patuhi oleh semua pihak bagi memudahkan urusan dan menjamin keselamatan semua yang terlibat dalam usaha membantu rakyat Palestin di Gaza.

Sekian, terima kasih.